



# e-BULETIN

## MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA

# 2023



**SEKALUNG BUDI  
SEUNTAI KASIH**



**SUMBANGAN  
MANGSA BANJIR**



**PERBARISAN DAN  
PERARAKAN HARI  
KEBANGSAAN  
PERINGKAT NEGERI  
MELAKA TAHUN 2023**




**MAJLIS  
PERSARAAN  
SETIAUSAHA  
MPHTJ**

 +606-232 3773

 +606-232 3746

 [www.facebook.com/mphtj](https://www.facebook.com/mphtj)

 [mp\\_hangtualhjaya](https://www.instagram.com/mp_hangtualhjaya)

 [mphtj\\_bandarayapintar](https://www.tiktok.com/mphtj_bandarayapintar)

 [www.mphtj.gov.my](http://www.mphtj.gov.my)



## TERIMA KASIH DAN JASAMU DIKENANG

Tarikh: Januari 2023

Seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Hang Tuah mengucapkan selamat bertugas kepada Mantan Yang Dipertua MPHTJ ke-8, Datuk Hj Shadan bin Hj Othman yang dilantik sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) ke-8 berkuat kuasa 1 Februari 2023.

Beliau yang telah berkhidmat sebagai Setiausaha MPHTJ pada tahun 2010 dan memegang jawatan sebagai Yang Dipertua MPHTJ ke-8 pada 6 April 2020 hingga 31 Januari 2023.

Sepanjang perkhidmatan, banyak pencapaian telah dicapai olehnya dalam memajukan MPHTJ memperoleh pelbagai anugerah dan berharap, pencapaian MPHTJ dapat diteruskan pada tahun ini dan akan datang.

Terdahulu, Shadan telah menghadiri Majlis Perjumpaan Yang Dipertua MPHTJ Ke-8 Bersama Seluruh Warga kerja Majlis Perbandaran Hang Tuah di Kompleks Melaka Mall, hari ini.

Hadir sama Setiausahanya, Sr Rohaya Abdullah, Ketua Jabatan dan Unit serta seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.



## SEKALUNG BUDI SEUNTAI KASIH

Tarikh: Februari 2023

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya telah mengadakan Majlis Sekalung Budi Seuntai Kasih khusus untuk meraikan mantan Yang Dipertua MPHTJ ke-8, Datuk Shadan Othman.

Majlis yang diadakan di Hotel Hatten, Banda Hilir Jumaat lalu telah dihadiri Setiausaha MPHTJ, Sr. Rohaya Abdullah, Ketua Whip Ahli Majlis MPHTJ, Ckr Rosli Md Nor, Ahli-Ahli MAJLIS MPHTJ dan Ketua Jabatan & Unit MPHTJ.

Terdahulu Ketua Whip Ahli Majlis MPHTJ mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan terima kasih kepada Datuk Shadan atas pelantikan sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) ke-8 berkuat kuasa 1 Februari lalu dan beberapa kejayaan telah dimiliki MPHTJ sepanjang berkhidmat sebagai Yang Dipertua MPHTJ ke-8 hampir 3 tahun.

Seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya mengucapkan selamat maju jaya kepada Datuk Shadan dan berharap terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada seluruh warga negeri Melaka.



## SUMBANGAN MANGSA BANJIR

Tarikh: Mac 2023

Orang Melaka masih dipelawa untuk terus menyalurkan sumbangan khususnya buat rakyat Johor, mangsa banjir.

Pihak Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) masih membuka ruang, peluang jika ada mana-mana pihak hendak salur sumbangan sebelum dihantar ke Kerajaan Negeri Johor pada Ahad ini, 19 Mac.

Beberapa keperluan masih diperlukan seperti peralatan pembersihan rumah, barangan elektrik, peralatan dapur, peralatan sekolah, pakaian, tuala wanita, lampin kanak-kanak dan air mineral.



## KONVENSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2023

Tarikh: Mac 2023

YBhg. Datin Sapiah Binti Haron hadir di majlis Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan 2023 yang bertemakan Perbandaran Mampan, Negara Sejahtera.

Ucuptama konvensyen oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Bin Ali, Ketua Setiausaha Negara. Ucuptama beliau bertajuk "Tadbir Urus Berintergriti PBT Membina Perbandaran Madani.

Konvensyen ini dianjurkan antara objektifnya adalah satu platform berkongsi pengalaman, kemahiran dan berbincang untuk mencari pendekatan penyelesaian yang inovatif serta kreatif bagi isu-isu yang melibatkan pengurusan dan tanggungjawab PBT.



## KONVOI ZIARAH KASIH 2023

Tarikh: April 2023

Menjelang Syawal sudah pasti ada golongan yang memerlukan. Rentetan daripada itu, MPHTJ tidak ketinggalan menyantuni golongan ini sebagai tanda berkongsi rezeki.

Konvoi ini terbahagi kepada dua kumpulan yang diketuai oleh YDP MPHTJ, YBhg. Datin Sapiah manakala satu kumpulan lagi diketuai oleh Setiausaha MPHTJ, Hjh Rohaya Binti Abdullah dan turut disertai oleh Ahli Majlis.

Seluruh Dun dalam kawasan MPHTJ terlibat iaitu Dun Ayer Keroh, Pengkalan Batu, Kesidang, Bemban, Bukit Katil dan Durian Tunggal. Seramai 30 penerima iaitu 5 orang di setiap Dun dan penerima menerima wang tunai beserta bakul makanan. Semoga dengan sumbangan ini dapat meringankan beban mereka dan memeriahkan syawal yang bakal menjelang nanti.



## LAWATAN TEKNIKAL KE MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Tarikh: Ogos 2023

Lawatan teknikal ke Majlis Bandaraya Johor Bahru yang disertai oleh Ahli Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) MPHTJ yang diketuai oleh Ahli Majlis Ex-Oficio YBhg. Datuk Ciri Anis Bt Ali Hasan dan Ketua Whip Ciri Rosli Bin Md Nor. Lawatan ini telah dihadiri oleh 36 ahli terdiri daripada ahli majlis ketua jabatan serta wakil agensi dalaman dan luaran MPHTJ. Di kesempatan ini pihak Majlis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru atas taklimat mengenai penarafan 'Green Building Index (GBI)' yang diberikan kepada Menara MBBJ.

Taklimat dimulakan dengan ucapan Tuan Haji Jalil Bin Musliman, Pengarah Jabatan Bangunan MBBJ dan penerangan diberikan oleh Puan Masliza Binti Samuri, Ketua Penolong Pengarah Jabatan Bangunan MBBJ. Terima kasih juga atas layanan 5 bintang yang diberikan oleh MBBJ melalui Tuan Harulisam bin Ismail, Pengarah Korporat & Perhubungan Awam.

Lawatan teknikal ini juga telah menyertai 'tour briefing' mengenai Smart Nation CityScape yang telah disampaikan oleh Miss Michelle Tan, Assistant Director dan Miss Lum Xin Mun, Senior Manager, Adoption & Engagement Directorate, Smart Nation and Digital, Prime Minister Office of Singapore. Taklimat tersebut diadakan di Singapore City Gallery, Urban Redevelopment Authority (URA) Singapura.

Ahli Jawatankuasa OSC MPHTJ juga berpeluang merasai pengalaman berada di ketinggian 36 meter di atas Henderson Waves Bridge iaitu jambatan pejalan kaki yang tertinggi di Singapura. Lawatan kerja ke Singapura ini berakhir dengan keterujaan pertunjukkan Spectra Light & Sound di Marina Bay Sands.





## PELAKSANAAN DASHBOARD MPHTJ

Tarikh: Oktober 2023

13 Okt - Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali bin Mohd Rustam berpeluang melawat booth Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) di bawah pengurusan Jabatan Perancangan Bandar MPHTJ.

Tuan Yang Terutama Tun juga diberikan penerangan lanjut berhubung pelaksanaan dashboard MPHTJ yang telah dilancarkan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka semalam (12 Oktober 2023).

Pameran berlangsung selama 3 hari di MITC itu, turut menampilkan pelbagai perancangan pihak Perancangan Bandar MPHTJ bagi tahun ini dan pelaksanaan tahun 2024.



## PERTANDINGAN BOLA JARING PIALA KETUA MENTERI MELAKA

Tarikh: Oktober 2023

28 Okt - Bola Jaring DUN Bukit Katil dianggotai kira-kira 7 orang kakitangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) berjaya memenangi tempat ketiga.

Kemenangan itu bersempena Pertandingan Bola Jaring Piala Ketua Menteri Melaka melibatkan sebanyak 28 paduka mewakili Dewan Undangan Negeri (DUN) masing-masing telahpun berlangsung pada 14 dan 15 Oktober lalu.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MPHTJ, YBhg. Datin Sapiah Haron.

Terdahulu Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Sukan Melaka 2023 Piala YAB Ketua Menteri Melaka telahpun berlangsung di Stadium Tun Fatimah, Serindit telah disempurnakan oleh Exco Belia, Sukan dan NGO, YB. P. Shanmugam.



## FESTIVAL DEEPAVALI

Tarikh: Oktober 2023

Kemeriahan sambutan Deepavali makin dirasai. Orang ramai mula mengunjungi Festival Deepavali yang diadakan di Melaka Mall.

Kepada yang masih belum membeli belah untuk persiapan menyambut Deepavali masih belum terlewat lagi kerana Festival berlangsung sehingga 29 Oktober 2023.



## THE WEDDING VIBES EXPO 2023

Tarikh: November 2023

3 November – Jom orang Melaka, luar Melaka ambil peluang membeli, atau membuat tempahan perkahwinan sempena 'The Wedding Vibes EXPO 2023' telah bermula hari ini, dan berakhir Ahad (5 November) nanti, di Perkarangan Aras G, Kompleks Melaka Mall Ayer Keroh.

EXPO anjuran Persatuan Usahawan Perkahwinan Melaka (PUPM) itu turut menempatkan kira-kira 26 booth pameran terdiri daripada peniaga Melaka dan Johor.

Terdahulu Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), YBhg. Datin Sapiah Haron telah merasmikan EXPO itu, selain menyantuni para peniaga.

Turut sama, Pengerusi PUPM, Mohd Farid Md Kamisan, Setiausaha PUPM, Izam Isron dan Bendahari PUPM, Mohd Zikrihakim Jalani Mohd Farid.

Pameran itu bertujuan untuk bergabung sesama usahawan di dalam industri perkahwinan, menampilkan vendor berkonsep 'Premium' di negeri Melaka selain bersaing secara sihat, menonjolkan kualiti dan perkhidmatan terbaik, bukan 'buang harga'.



## PERSIDANGAN MALAYSIA URBAN FORUM (MUF) 2023

Tarikh: November 2023

7 November - Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) turut serta selaku panel pembentang bagi Persidangan Malaysia Urban Forum (MUF) 2023 bermula 5 hingga 8 November di Kuching, Sarawak.

Dua (2) ahli panel dari MPHTJ yg terlibat selaku speakers utk sesi side event adalah TPr. Ts. Rozaidi Mahat, Pengarah Perancangan Bandar MPHTJ dan Nurul Akshikin Zulkamain, Penolong Pengarah Korporat dan Khidmat Masyarakat MPHTJ. Persidangan kali ini, turut melibatkan penyertaan 18 peserta dari kalangan kumpulan perintis hijau MPHTJ yang dikenali sebagai Green Ambassador MPHTJ (Duta Hijau MPHTJ) yang mewakili setiap jabatan, unit di Majlis.

Bertemakan 'Memangkin Tindakan Transformatif untuk Perbandaran Mampan dan Berdaya Tahan' itu merupakan anjuran URBANICE Malaysia KPKT dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak dan Dewan Bandaraya Kuching Utara.



## PERBARISAN DAN PERARAKAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI MELAKA TAHUN 2023

Tarikh: November 2023

15 November - Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya johan Kawad Terbaik bagi Kategori Jabatan Kerajaan, Badan Berkanun dan Agensi bersempena Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Melaka Tahun 2023.

MPHTJ juga turut menang bergaya bagi Pakaian Terbaik dengan mendapat tempat kedua bagi acara yang sama. Kedua-dua yang dipertandingkan itu, membolehkan MPHTJ membawa pulang piala dan sijil penyertaan.

Terdahulu YBhg. Datin Sapiah Haron, Yang Dipertua MPHTJ telah menerima hadiah tersebut daripada YB Datuk Wira Zaidi Johari, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka pada Majlis Apresiasi Petugas-Petugas Majlis Rasmi Kerajaan Negeri Melaka di Hotel Hatten, Banda Hilir di sini, petang tadi.

Hadir sama Pengarah Penguatkuasa MPHTJ, Hjh. Noor Bahiyah Samsul Baharin dan Penolong Pengarah Penguatkuasa MPHTJ, Kamarulzaman Ab. Rahman.



## **PROGRAM LAWATAN KERJA KELAB K-HATY MPHTJ KE KILANG HONG LEONG YAMAHA MOTOR SDN. BHD**

Tarikh: Disember 2023

21 Disember 2023 – Sempena Sambutan Hari Perbandaran Hang Tuah Jaya Ke-14, Kelab Sukan dan Kebajikan (K-HATY) MPHTJ dengan kerjasama Jabatan Korporat & Khidmat Masyarakat (JKKM) MPHTJ telah menganjurkan Program Lawatan Kerja Kelab K-HATY MPHTJ ke Kilang Hong Leong Yamaha Motor Sdn. Bhd., Sungai Buloh dan Wisma Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Selangor Darul Ehsan. Program bertujuan mengadakan jalinan kerjasama dan perkongsian maklumat antara Kelab Sukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta pihak industri disamping mempromosikan Tahun Melawat Melaka (TMM) 2024. Tambahan, program ini juga bertujuan meningkatkan perhubungan dan persahabatan ahli kelab menerusi aktiviti luar.

Pelepasan peserta konvoi seramai 38 penunggang motorsikal (pelbagai jenis) dan 3 unit kenderaan MPHTJ telah disempurnakan oleh YBhg. Datin Sapiyah binti Haron, Yang Dipertua MPHTJ di hadapan Pejabat MPHTJ, Kompleks Melaka Mall.

Destinasi pertama di Hong Leong Yamaha Motor Sdn. Bhd., Sungai Buloh, peserta konvoi telah diberikan taklimat daripada wakil syarikat di Yamaha Lifestyle Station berkaitan kemudahan penyediaan servis motorsikal Yamaha, pengurusan pelanggan, dan pusat latihan Yamaha Malaysia Education and Training Academy (META). Peserta konvoi juga telah dibawa ke ruang pameran motorsikal Yamaha di Gen Blu Café.

Destinasi kedua di Wisma Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), peserta konvoi telah disambut meriah oleh Kelab Rekreasi MBSA di hadapan Dewan Banquet Wisma MBSA. Peserta telah diberikan taklimat berkaitan aktiviti tahunan dan pengurusan Kelab Rekreasi MBSA. Program berakhir dengan penyerahan cenderamata ingatan, jamuan serta persembahan yang menghiburkan.



Hadir sama konvoi adalah Ctr. Ismail bin Hj. Dogol, Ahli Majlis MPHTJ, Pengarah Korporat dan Khidmat Masyarakat MPHTJ dan Pengerusi Kelab K-HATY. Pihak MPHTJ mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Hong Leong Yamaha Motor Sdn. Bhd., Sungai Buloh dan Kelab Rekreasi Majlis Bandaraya Shah Alam atas layanan yang sangat baik sepanjang program berlangsung.



**MAJLIS PERSARAAN SETIAUSAHA MPHTJ SR. HJH. ROHAYA BINTI HJ. ABDULLAH**

Tarikh: Disember 2023

29 Disember – Terima Kasih dan Selamat Bersara. Seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih dan selamat bersara kepada Sr. Hjh. Rohaya binti Hj. Abdullah, Setiausaha Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) 'bersara wajib' hari ini.

Terdahulu beliau pernah menyandang jawatan sebagai Pegawai Penilaian MPHTJ Gred W48 (15 Mac 2010-31. Ogos 2021) dan Setiausaha MPHTJ Gred 52 (1 September 2021-29 Disember 2023).





